

**DRAF TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS ANJUNG BITARA 2010**

*18 Februari 2011 (Jumaat), 3.00 petang*  
*Auditorium Canselori, Kampus Induk UTeM*

1

**(i) Salutasi**

***Bismillahirrahmanirrahim***

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*** dan Salam  
Sejahtera

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Y.Bhg Dato' Profesor Dr. Mohd Nor Husain  
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Dr. Hazmilah Hasan  
Pengarah, Penerbit Universiti

Pegawai-pegawai Kanan

Wakil-wakil Penerbit, Institusi Pengajian Tinggi

2

Ahli-ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Para penulis yang diraikan

Wakil media

Warga UTeM, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

(ii) **Kata Aluan**

1. Alhamdulillah saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita berhimpun pada Majlis Anjung Bitara 2010 ini.

3

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin, terutama kepada para tetamu yang baru pertama kali menjejakkan kaki ke UTeM. Saya yakin bahawa kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dapat mengeratkan jalinan hubungan antara Institusi Pengajian Tinggi khususnya bagi kemajuan penerbitan ilmiah.

(iii) **Objektif majlis**

3. Seperti yang kita sedia maklum, penganjuran majlis ini sebagai satu simbolik **sanjungan dan mengiktiraf para akademik UTeM** yang telah berusaha menyumbang ilmu serta mempamerkan kejayaan menerusi hasil penyelidikan yang telah dipindah ke dalam bentuk terbitan ilmiah. Tanpa penglibatan dan komitmen yang tinggi oleh para akademik maka penerbitan ilmiah tidak akan tercapai.

4

4. Penganjuran majlis sebegini dapat **mendorong serta menggalakkan para akademik ke arah menerbitkan buku-buku yang berkualiti lagi bermutu tinggi** demi perkembangan budaya ilmu sekali gus mengantarabangsakan karya tempatan.

(iv) **Peranan Penerbit**

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Dalam mendukung hasrat kerajaan iaitu untuk meningkatkan mutu penerbitan buku yang lebih berdaya saing, karyawan perbukuan seperti Penerbit, Penulis, Editor, Penterjemah dan Pereka **perlu terus berusaha membangunkan industri perbukuan dengan lebih dinamik dan berkesan** bagi perkembangan ilmu pengetahuan. Untuk tujuan itu juga,

5

Penerbit harus **berperanan penting dengan mengenal pasti faktor, kaedah mahupun strategi yang mampu membantu mempercepatkan kemajuan** dalam semua aspek bagi tujuan tersebut.

6. Sebagai contoh, **satu sinergi atau usaha sama perlu diwujudkan** di kalangan Penulis dan Penerbit serta agensi-agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), termasuk kalangan badan korporat untuk melahirkan genre penerbitan yang pelbagai, bagi rujukan dan bacaan masyarakat akademik dan umum.

6

7. Pihak yang berkaitan boleh **berkongsi pengetahuan** dengan para penulis dan karyawan buku **dalam bidang kebitaraan khusus** seperti kejuruteraan, multimedia, ekonomi dan sebagainya untuk mereka menghasilkan karya kreatif yang boleh dimanfaatkan dalam industri penerbitan. Sekiranya usaha agresif ini dilakukan, maka bilangan judul penerbitan universiti boleh ditingkatkan.

Hadirin yang dimuliakan

(v) **R&D serta kaitannya dengan penerbitan**

8. UTeM juga tidak terkecuali dalam menyokong hasrat kerajaan. Ini terbukti menerusi salah satu agenda kritikal yang terkandung di dalam Pelan Strategik UTeM 2010 – 2015 iaitu **'kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi yang**

7

**berfokus'**. Menerusi sasaran ini, ahli akademik UTeM perlu lebih menghasilkan penyelidikan 'terkehadapan' yang berimpak tinggi bagi industri strategik.

9. Dalam menjayakan sasaran ini, para akademik perlu mentransformasikan diri atau apa yang disebut anjakan paradigma, sejajar dengan Tema Perutusan 2011 iaitu **'Transformasi berfokuskan strategi, Mencipta keunggulan universiti teknikal'**. Para akademik UTeM diaran untuk menyahut cabaran memastikan penyelidikan yang dijalankan berkualiti tinggi, memenuhi standard antarabangsa dan berpotensi untuk dikomersialkan.
10. Sehubungan itu, saya menggesa para akademik untuk **memanfaatkan peluang yang tersedia** di Penerbit Universiti,

8

dengan mentransformasikan hasil penyelidikan yang ada dalam bentuk penerbitan ilmiah. Ini kerana bidang penerbitan terbukti memberi **ruang dan peluang** kepada para akademik **untuk melapor atau menjilidkan hasil pencapaian penyelidikan serta penemuan saintifik**, untuk dimanfaatkan bagi pembangunan ilmu dan seجات.

11. Saya juga percaya hasil penyelidikan yang diterbitkan dalam bentuk buku, jurnal dan sebagainya, serta yang terbaru menerusi sumber elektronik, mampu menjadi platform kepada semua para akademik **berkongsi dan bertukar idea dalam pelbagai bidang berkaitan secara global**.

9

Para hadirin sekalian,

(vi) **Kesan perkembangan teknologi terhadap penerbitan**

12. Perkembangan teknologi maklumat, juga menyumbang kepada **peningkatan keupayaan menyebarkan penemuan penyelidikan** melalui penulisan ilmiah. Penerbitan elektronik kini semakin mendapat **tempat bagi pencari dan pengguna maklumat**, terutama komuniti penyelidik kerana segala data dan maklumat mudah diperoleh. Kepsatan ini merupakan satu cabaran dan persaingan yang perlu ditempuh industri perbukuan.
13. Segala **cabaran dan persaingan** akibat daripada revolusi media baru dan teknologi tersebut **wajar diterokai** agar penerbitan buku dan elektronik seimbang. Malah, karyawan

10

perlu melihat **kaedah relevan yang boleh diaplikasi dalam melaksanakan operasi pemasaran buku**. Alternatif baru juga perlu dikenalpasti dan meneliti dengan serius aspek-aspek kegiatannya termasuk tujuan, produk, strategi, infrastruktur, amalan perdagangan, proses dan polisi operasi.

Hadirin sekalian,

(vii)**Ucapan Tahniah & Penutup**

14.Syabas diucapkan kepada usaha pihak Penerbit Universiti atas penganjuran majlis ini dan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang tahun 2010. Ini menggambarkan kesedaran tinggi para akademik terhadap pentingnya penerbitan ilmiah, serta membuktikan kesungguhan Penerbit Universiti menyokong usaha

11

memartabatkan aktiviti akademik dan penyelidikan Universiti.

15.Sekalung tahniah juga diucapkan kepada semua penerima royalti tahun 2010. Semoga pencapaian tuan-tuan dan puan-puan menjadi pendorong yang berterusan untuk menghasilkan terbitan ilmiah yang lebih bermutu. Diharapkan juga tuan-tuan dan puan-puan akan terus bersemarak untuk berkarya dengan kreatif dan inovasi, seterusnya menghasilkan kecemerlangan yang tiada taranya.

16.Mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan jutaan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas kesudian menjayakan dan memeriahkan Majlis Anjung Bitara 2010. Dengan lafas **Bismillahirrahmannirahim**, saya dengan

12

ini merasmikan **Pelancaran Terbitan 2010** dan **Web e-jurnal UTeM**.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah, wssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.